

10/03/1997

Mokhzani terbit tawaran awam

MOKHZANI Mahathir, yang membeli 35.53 peratus kepentingan ekuiti dalam Hospital Pantai Bhd dengan harga RM306.281 juta atau RM13.75 sesaham membuat tawaran awam untuk membeli baki saham yang masih belum dimiliki oleh beliau dan Tongkah Holdings Bhd.

Menurut satu kenyataan DCB Sakura Merchant Bankers Bhd, tawaran itu juga dibuka kepada pemegang stok pinjaman tidak boleh tebus boleh tukar tidak bercagar (ICULS) dan pemegang skim opsyen saham pekerja (Esos).

Mokhzani ialah pengerusi eksekutif dan ketua eksekutif Tongkah. Pada masa ini Tongkah memegang 21 peratus kepentingan ekuiti dan RM13.103 juta jumlah nominal ICULS Hospital Pantai.

Kenyataan bank saudagar itu menyebut Mokhzani membuat tawaran untuk membayar RM13.75 bagi setiap saham Hospital Pantai yang diterbitkan sekarang atau saham baru yang akan diterbitkan menurut urusan ESOS atau penukaran ICULS.

Beliau juga menawarkan RM4.38 bagi setiap ICULS. Saham Hospital Pantai di Bursa Saham Kuala Lumpur ditutup pada RM16.40 semalam.

DCB Sakura berkata Mokhzani berhasrat mengekalkan taraf penyenaian Hospital Pantai bagi membolehkan pemegang saham dan ICULS syarikat itu, yang ingin mengekalkan pegangan saham mereka di dalamnya, terus berbuat demikian. - Bernama

(END)